

Bertemakan "Rugged Nomad" koleksi terbaru ini direka khas untuk mereka yang aktif serta meminati aksi yang mendebarkan khususnya bagi warga kota yang suka mengembara.

# Pakaian selesa Jeep® Spirit untuk pengembara aktif

Jeep® Spirit memperkenalkan koleksi pakaian terbaru yang direka khas untuk pengembara.

Bertemakan "Rugged Nomad" koleksi terbaru ini direka khas untuk mereka yang aktif serta meminati aksi yang mendebarkan khususnya bagi warga kota yang suka mengembara.

Jeep menggalak pengembara menjelajah dunia dengan minda yang terbuka agar mereka dapat menerima budaya asing sambil menikmati pengalaman baru.

## UNTUK LELAKI

Untuk musim ini, Jeep memperkenalkan rekaan fleksibel dan serba boleh untuk mereka yang menggemari cabaran.

Fabrik untuk koleksi ini dipertingkatkan bersama pembaharuan potongan untuk seluar kargo dan jeans.

Kemeja-T berkolar bulat dan polo T ditampilkan dalam cetakan corak dan warna terbaru.

Kemeja Chambray turut diperkenalkan, manakala rekaan jaket ala tentera pula disegarkan dengan fabrik yang ringan untuk keselesaan yang lebih bagi pemakai untuk mengembara pada musim panas.

## UNTUK WANITA

Kemeja dan baju korduroi diperbaharui de-ngan cetakan bunga yang terang dalam warna alam semula jadi seperti biru, merah, kuning, dan kuning air yang mudah untuk digayakan.

Kemeja Chambray dan korduroi pula menampilkan fabrik dengan potongan lebih sesuai untuk wanita yang gemar bergaya.

Jeans, seluar kargo dan jeggings boleh didapati dalam warna asas seperti biru, coklat dan hitam yang sesuai untuk dipadankan dengan kemeja-T berkolar bulat.

## UNTUK ANAK

Jeep® Kids menawarkan rekaan berwarna-warni, sporty dan santai untuk koleksi kanak-kanak terbaru ini.

Pelbagai jenis kemeja direka dengan warna alam semula jadi untuk memudahkan gaya berlapis dan untuk dipadankan dengan seluar pendek kargo atau jeans.

Polo T dan kemeja-T untuk perempuan dan lelaki boleh didapati dalam rekaan berjalur serta grafik berwarna-warni.

Koleksi terbaru untuk kanak-kanak perempuan turut menampilkan denim kasual dan dress korduroi yang selesa dan bergaya.

Koleksi terbaru Jeep boleh didapati di semua Outfitters Studio dan pusat membeli-belah terkemuka di Malaysia. Harga pakaian bermula dari RM39 hingga RM399.



Kemeja Chambray turut diperkenalkan, manakala rekaan jaket ala tentera pula disegarkan dengan fabrik yang ringan untuk keselesaan yang lebih bagi pemakai untuk mengembara pada musim panas.



Jeans, seluar kargo dan jeggings boleh didapati dalam warna asas seperti biru, coklat dan hitam yang sesuai untuk dipadankan dengan kemeja-T berkolar bulat.



Jeep menggalak pengembara menjelajah dunia dengan minda yang terbuka agar mereka dapat menerima budaya asing sambil menikmati pengalaman baru.

# Aurora di hujung langit Bumi

KOTA Tromso dikenali sebagai gerbang artik.

Terletak di garis lintang utara 70 darjah, Tromso kaya budaya dan indah sehingga mendapat jolokan sebagai "Paris di Utara".

Pelancong yang datang ke kota ini tidak hanya kagum melihat pusat sejarah dan kediaman patriotiknya, tetapi teruja melihat keajaiban alamnya termasuk fenomena aurora borealis.

Aurora ialah fenomena pancaran cahaya yang menyala-nyala pada lapisan ionosfer dari sebuah planet sebagai interaksi medan magnetik yang dimiliki planet dengan partikel yang dipancarkan oleh matahari.

Di Bumi, aurora terjadi di sekitar kutub utara dan kutub selatan.

Aurora yang terjadi di daerah sebelah utara dikenali sebagai aurora borealis.

Saat paling tepat melihat fenomena ini adalah selepas 10 malam waktu setempat pada pertengahan Oktober hingga pertengahan Mac.

Lokasi yang ideal adalah di luar kota agar tidak terganggu cahaya lampu kota.

Banyak agen pelancongan menawarkan pakej pelancongan untuk melihat fenomena aurora ini.



Aurora di Tromso, Norwegia.